

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 19 JANUARY 2017 |

**STATUS HAJI JEMAAH TAJAAN
YAYASAN 1MDB**

Tun M perlu hentikan kenyataan celupar

BH - 19/1/2017

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad didesak berhenti mengeluarkan kenyataan celupar berhubung status mabrur jemaah haji tajaan Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ketua UMNO Bahagian Lembah Pantai, Datuk Seri Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin, berkata sikap Pengerusi Pertubuhan Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu seolah-olah mengambil alih peranan Allah untuk menentukan sama ada haji seseorang itu mabrur atau tidak.

Beliau yang ditemui pemberita selepas mengadakan tinjauan di Kerinchi Residen, di sini semalam, berkata walaupun menghormati Dr Mahathir, bekas Perdana Menteri itu tidak sepatutnya mengeluarkan kenyataan yang mengguris hati dan perasaan jemaah haji terpilih.

Yayasan 1MDB tak pilih kasih

“Siapa lagi yang mahu taja kalau bukan Yayasan 1MDB. Kita harap tajaan ini diteruskan supaya lebih ramai jemaah yang tidak berkemampuan berpeluang ke Tanah Suci. Mabrur atau tidak, biar Allah tentukan kerana ia pastinya bukan tugas manusia,” katanya.

Raja Nong Chik yang juga bekas Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, berkata Yayasan 1MDB tidak bersikap pilih kasih kerana ada jemaah dari kawasan Parlimen Lembah Pantai yang menyokong pembangkang turut dipilih mengerjakan rukun Islam kelima itu.

“Tidak timbul isu pilih kasih kerana Yayasan 1MDB berbakti kepada segenap masyarakat. Alhamdulillah, ia beri kesan baik kepada jemaah jika niat mereka pun baik. Segala keperluan ditaja, jemaah cuma fokus ibadat,” katanya.

Hujung bulan lalu, Dr Mahathir pada satu majlis ceramah mendakwa status haji yang ditunaikan melalui tajaan Program Khas Perdana Menteri, Yayasan 1MDB adalah tidak mabrur.



Kita harap tajaan ini diteruskan supaya lebih ramai jemaah yang tidak berkemampuan berpeluang ke Tanah Suci. Mabrur atau tidak, biar Allah tentukan kerana ia pastinya bukan tugas manusia”

Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin,
Ketua UMNO Bahagian Lembah Pantai